

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI  
(PUTATAN)**

**TARIKH : 11 OGOS 2020**

**SOALAN**

**TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI [ PUTATAN ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan anggota Polis ketika ini yang mana nisbah antarabangsa memerlukan seorang anggota Polis bersamaan 350 ke 450 orang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam usaha menangani permasalahan kekurangan anggota polis, beberapa langkah serta kaedah telah dikaji oleh PDRM iaitu:-

- i. Pengambilan jawatan Inspektor daripada kalangan SUKSIS yang telah tamat pengajian memandangkan mereka ini telah diberi pendedahan mengenai pengetahuan ilmu dan latihan kepolisan.
- ii. Membuat penambahbaikan kelengkapan latihan dan prasarana pusat-pusat latihan untuk pengambilan berkapasiti besar dapat dilakukan.
- iii. Penugasan secara koloberasi bersama Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Sukarelawan Polis Simpanan (PVR) ,Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan lain-lain bagi menampung kekurangan dalam tempoh sementara sewaktu operasi harian.
- iv. Menukar *mode* rondaan daripada BIT kepada bermotosikal agar radius rondaan diperluaskan

Berdasarkan kepada pengukuran penduduk berbanding perjawatan / kekuatan polis yang ideal, *International Police (INTERPOL)* telah mengeluarkan nisbah iaitu **1:250**. Walau bagaimanapun ianya bukan garis panduan yang mutlak tetapi hanya sebagai penanda aras bagi menentukan kesesuaian nisbah penduduk dengan polis.